

TALKING POINTS

Y.BHG. PROF. DATUK WIRA DR. RAHA ABDUL RAHIM

NAIB CANSELOR UTeM

**MAJLIS PENYERAHAN BENDERA KONTINGEN UTeM KE
KEJOHANAN KARNIVAL SUKAN MASUM FASA 1**

DAN

PELANCARAN BAJU KONTINGEN BAGI TAHUN 2020
29 Januari 2020 (Rabu) | Dewan Sukan, UTeM | 2.30 Petang

Terima Kasih Saudari Pengacara Majlis.

Yang Berbahagia Prof. Madya Dr. Nurul Fajar Bin Abd. Manap
Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar)

Yang Berusaha Prof. Madya Teknologis Dr. Mohd Sanusi Bin Azmi
Pengarah Pusat Sukan, UTeM

Dekan-Dekan dan Wakil-Wakil Dekan Fakulti,
Mentor-Mentor Sukan, Pegawai-Pegawai Pejabat Hal Ehwal Pelajar
Barisan Urusetia Kontinjen, Jurulatih, Pengurus-Pengurus Pasukan
Dan Para Atlet Kontinjen MASUM Fasa 1, 2020.

Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh, Salam Sejahtera

1. Alhamdulillah, marilah kita bersama-sama memanjatkan rasa syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah perkenan dan izin-Nya, dapatlah kita berhimpun pada petang ini bersempena Majlis Penyerahan Bendera Kontingen UTeM ke Karnival Sukan MASUM Fasa 1.
2. Di kesempatan ini, saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada Yang Berbahagia Prof. Madya Dr. Nurul Fajar Bin Abd. Manap, TNC (HEP), di atas lantikan sebagai Pengerusi Majlis Sukan Universiti Malaysia (MASUM) dan Encik Mohd Fairuz Azwad bin Mohd Zauwawi, Pegawai Belia dan Sukan Kanan yang turut di lantik sebagai Setiausaha Agung MASUM bagi tahun ini.

3. Diharapkan menerusi lantikan ini, ianya dapat meningkatkan lagi visibiliti UTeM di kalangan Universiti Awam Negara ini, menerusi kepimpinan dan kreadibiliti warganya yang sentiasa proaktif, dedikasi dan bersemangat tinggi dalam menzahirkan amanah yang telah diberikan.
4. Tidak dilupakan, setinggi-tinggi syabas dan tahniah diucapkan kepada barisan Urusetia Kontinjen, Jurulatih, Pengurus-Pengurus Pasukan dan Para Atlet yang terpilih bagi mewakili UTeM ke kejohanan terbesar ini, yang akan berlangsung pada 30 Januari sehingga 6 Februari 2020 di UiTM Arau, Perlis.

Hadirin dan Hadirat sekalian,

5. Pihak Universiti senantiasanya memberikan sokongan penuh terhadap usaha-usaha yang dapat meningkatkan lagi tahap kesihatan seluruh warga Universiti. Sesungguhnya warga Universiti – staf mahupun siswa, merupakan aset utama yang amat berharga kepada Universiti ini.
6. Salah satu kaedah mahupun pendekatan yang amat digalakkan oleh pengurusan Universiti adalah dengan penglibatan aktif warga universiti ini dalam aktiviti kesukanan. Aktiviti seumpama ini bukan sahaja dapat menguji kekuatan mental dan fizikal, malah ianya menjadi wadah terbaik dalam membentuk dan meningkatkan sahsiah diri yang berupaya melonjak karisma dan keberhasilan produktiviti warganya untuk memiliki minda cerdas dan tubuh yang sihat.

Hadirin yang dikasihi sekalian,

7. Penyertaan saudara dan saudari di dalam MASUM bukanlah sekadar sebagai seorang atlet, malah saudara dan saudari merupakan Duta Kecil UTeM yang membawa nama baik Universiti ini. Justeru itu, saya menyeru agar saudara dan saudari sentiasa menjaga nama baik dan imej UTeM tercinta ini.

8. Saya juga ingin berpesan kepada para atlet yang berada dihadapan saya ini, untuk bersaing secara sihat dengan disiplin serta semangat yang kental, seterusnya dapat meraih dan membawa pulang kejayaan yang membanggakan universiti kita ini.

9. Seperti semua sedia maklum, sebelum ini, seorang atlet UTeM iaitu Saudara Hamdanwahid bin Rinaldi dari FKP telah mewakili negara ke Kejohanan Sukan Universiti Dunia di Napoli, Itali, yang turut menyumbang Pingat Gangsa tunggal buat Kontingen Negara.
10. Diharapkan, pada tahun ini UTeM akan dapat melahirkan lebih ramai atlet yang berprestasi tinggi untuk mewakili UTeM di arena sukan peringkat IPT, Kebangsaan mahupun Antarabangsa.
11. Saya difahamkan, sasaran pingat Kontingen UTeM untuk MASUM pada kali ini adalah 2 Gangsa dalam acara Sukan Catur Lelaki dan Pencak Silat. Namun, pihak Universiti mengharapkan pencapaian yang lebih tinggi dan banyak lagi di dalam kategori kejohanan yang dipertandingkan.

12. Saya amat yakin dengan keupayaan dan semangat juang kesukanan yang tinggi membara para atlet UTeM yang berada di hadapan saya ini. Saya yakin, saudara saudari berupaya melakukan yang terbaik dan membawa kejayaan yang pastinya membanggakan kita semua, khususnya kepada UTeM sendiri.

Hadirin dan Hadirat sekalian,

13. Akhir kata, saya ingin mengucapkan selamat berjuang kepada semua atlet di MASUM. Kekalkan sikap kerjasama, toleransi dan semangat kesukanan yang tinggi. Saya percaya, inilah platform terbaik yang dapat mencungkil bakat-bakat baru untuk

diketengahkan ke peringkat tertinggi dan peluang terbaik kepada saudara saudari untuk melebarkan jaringan dan kerjasama sesama atlet dari latar belakang yang berbeza.

14. Sebelum diakhiri mari kata laungkan kata azimat iaitu TUAH UTeM sebanyak 3 Kali

TUAH UTeM!!!! TUAH UTeM!!!! TUAH UTeM!!!!

Sekian wabillahitaufik walhidayah wassalamualaikum wr. wbth.
Terima kasih.